



## Sumbangan Covid-19 Kepada Pelajar Ukur dan Geomatik UTM, UiTM dan Politeknik Yang Terkandas di Pusat Pengajian Masing-masing

Lembaga Jurukur Tanah Malaysia (LJT) amat prihatin terhadap pelajar Ukur dan Geomatik yang terkesan dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) terutamanya mereka yang jauh dari kampung halaman dan terkandas di pusat pengajian masing-masing.

Sehubungan itu, LJT tampil menghulurkan sumbangan kewangan bagi membantu meringankan beban pelajar tersebut sekaligus memastikan kebajikan mereka tidak terabai dalam situasi sukar akibat daripada penyebaran wabak Covid-19 ini.

Institusi pengajian yang terlibat adalah Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Arau, Politeknik Sultan Hj Ahmad Shah, Politeknik Ungku Omar, Politeknik Merlimau, Politeknik Sultanah Bahiyah dan Politeknik Kuching, Sarawak.



Bantuan kewangan dihulurkan kepada Universiti Teknologi Malaysia menerusi Timbalan Naib Canselor (Pembangunan), Prof. TS. Dr Mohd Hamdan bin Haji Ahmad.



Sumbangan kepada Universiti Teknologi Mara diserahkan kepada Naib Canselor UiTM YBhg. Prof. Emiritus Datuk Ir. Dr. Mohd Azraai Kassim.



Sumbangan disampaikan kepada En Mohamad Isa bin Azhari, Pengarah Politeknik Sultan Ahmad Shah.



Penyerahan sumbangan kewangan kepada Timbalan Pengarah (Sokongan Akademik) En. Hoirie Abd Manah di Politeknik Merlimau.



Tidak terkecuali, Politeknik Kuching Sarawak turut menerima sumbangan dari LJT yang disampaikan kepada Pengarah Politeknik Kuching iaitu Puan Jamaliah Bt Ahmad.